

Jelas segera tunggakan cukai GST elak didenda RM25,000

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Semua pihak yang berdaftar dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dinasihatkan supaya menjelaskan segera tunggakan cukai mereka bagi mengelakkan dikenakan tindakan kompaun sehingga RM25,000.

Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, mereka yang masih mempunyai tunggakan cukai tahun 2015 akan diberikan tempoh sehingga 31 Oktober ini untuk menjelaskan tunggakan tersebut.

"Mereka boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga maksima RM20,000 jika gagal menjelaskan tunggakan cukai tahun 2015 tersebut.

"Bagi mereka yang mempunyai tunggakan cukai tahun 2016 pula diberikan tempoh sehingga 31 Disember ini dan kompaun sehingga maksima RM25,000 akan dikenakan sekiranya gagal menjelaskan tunggakan selepas tarikh tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



KHAZALI AHMAD

Menurut Khazali, pengurangan nilai kompaun boleh diberikan sekiranya mereka membuat penjelasan cukai tersebut sebelum 31 Disember ini.

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia menasihatkan orang berdaftar GST supaya sentiasa mematuhi dan membuat bayaran GST dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan undang-undang," jelasnya.